

18/05/2003

Cerita dari kampung

Sutung Umar RS

SESEKALI pulang ke kampung banyak perkara menarik dalam pelbagai bidang kehidupan. Tidak saja makin ramai yang memasuki institusi pengajian tinggi, awam mahupun swasta, tidak sedikit pula yang berjaya dan mendapat

kerja yang baik. Kalau dulu banyak yang menjadi kerani, guru dan seumpamanya, kini sudah banyak juga yang memasuki bidang lain seperti menjadi pengurus dan sebagainya. Justeru itu tidak sedikit rumah besar, banglo mewah tersergam di mana-mana saja. Kalau berpeluang memasuki rumah

itu, didalamnya jelaslah kelihatan kejayaannya itu digambarkan dengan hiasan dalamannya, dengan perabot dan langsir yang mahal dan berprestij pula.

Walaupun kejayaan adalah gambaran keadaan baik dalam kehidupan sosial dan ekonomi yang dihasilkan oleh kestabilan politik dan kepimpinan negara

pada umumnya, namun tidak banyak yang sedar akan hal itu.

Ketika pulang ke Kota Bharu baru-baru ini, asalnya kerana mesyuarat bagi

mengadakan Forum Kembara Bahasa, kita tak sempat memasuki atau meninjau dari dekat banglo mewah yang kita sebutkan itu kerana masa yang singkat. Namun dalam masa singkat itu, kita sempat bertemu beberapa teman lama yang

kini menetap di Kota Bharu.

Selepas mesyuarat di Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Kota Bharu kita

menerima panggilan teman lama, Ismail Ab. Wahab (bukan nama benar) meminta

menemuinya di Hotel Sutera Inn.

Selepas selesai mesyuarat jam 4.00 petang kita pun ke hotel itu yang amat dekat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di Coffee House, Sutera Inn, Ismail sudah pun menunggu dengan dua temannya. Seperti biasa apabila bertemu teman di Kota Bharu, tidak ada perkara dan cerita lain yang seronok dan menarik diperbincangkan melainkan

hal politik Kelantan.

Katanya, Pas kini sudah bersedia memberi kemenangan kepada Umno.

Persoalannya ialah adakah Umno bersedia untuk menerima kemenangan itu ataupun belum. Banyak contoh yang diberikannya misalnya sambutan terhadap

ceramah PAS, misalnya ketika kedatangan Abdul Hadi Awang baru-baru ini, sambutan yang dulunya hebat sudah tidak ada lagi. Ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkunjung ke Kelantan baru-baru ini sambutan yang diberikan

rakyat jauh lebih memberangsangkan berbanding sebelumnya. Harapan kita sambutan rakyat Kelantan itu bukanlah kerana "kerahan" dan yang seumpamanya.

Kata teman kita itu lagi, UMNO Kelantan boleh diumpamakan macam satu

pasukan bola. Setiap orang mestilah melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Memang Kapten mempunyai fungsi penting tetapi kemenangan sebuah pasukan tidak hanya bergantung kepada kapten semata melainkan bergantung kepada kerja berpasukan.

Sementara itu dalam pasukan yang bekerja secara teamwork itu jangan pula

wujud individu yang belot, yang sentiasa secara licik mencari ruang kesempatan untuk menyumbat gol sendiri.

Datuk Pa memang seorang tokoh dan kapten yang kuat bekerja. Ini diakui oleh semua pihak. Tetapi kalau Datuk Pa seorang saja yang kuat bekerja, hasilnya tentulah tidak sama berbanding hasil yang bakal diperoleh jika semua orang di setiap bahagian dan cawangan, ikut sama bekerja kuat.

Sementara itu, mengikut teman kita itu lagi, pemimpin muda di Kelantan mestilah diberi peluang yang secukupnya untuk mengembangkan bakat dan kreativiti kepemimpinannya dalam Umno dan ini selaras dengan kenyataan Pak

Lah dalam Konvensyen Barisan Nasional yang berlangsung pada Disember 2002

lalu.

Tinjauan rambang kita dalam waktu singkat itu sebenarnya selari dengan apa yang diutarakan oleh Ismail dan dua temannya itu. Umno sebagai satu organisasi tentulah mempunyai etika bekerja berpasukan sendiri untuk kembali menawan Kelantan pada pilihan raya akan datang.